


Radzi: Jangan kenakan syarat



RADZI SHEIKH AHMAD

PULAU PINANG 14 Ogos - Setiausaha Agung UMNO, Datuk Seri Radzi Sheikh Ahmad meminta Tun Dr. Mahathir Mohamad supaya berhenti mengkritik kerajaan tanpa mengenakan sebarang syarat.

Katanya, setelah Dr. Mahathir berhenti mengkritik kerajaan, barulah pemimpin UMNO bersedia untuk berunding dengannya bagi membincangkan sebarang isu.

"Janganlah kenakan syarat pula... berhenti (mengkritik) dulu, barulah kita boleh bincang elok-elok," kata Radzi yang juga Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri kepada pemberita selepas menyampaikan anugerah pangkat Kehormat Rela kepada Ketua Menteri, Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon dan anggota-anggota Dewan Undangan Negeri Pulau Pinang hari ini.

Mengenai cadangan supaya Dr. Mahathir diberi peluang untuk menjelaskan kritiknya dalam mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO (MT), beliau berkata, terdapat pelbagai cadangan yang dikemukakan oleh ra-

'Setelah Dr. Mahathir berhenti mengkritik kerajaan, barulah pemimpin UMNO bersedia untuk berunding dengannya bagi membincangkan sebarang isu

RADZI SHEIKH AHMAD
Setiausaha Agung UMNO

mai orang.

"Kita terima banyak cadangan dan kita akan bincangkan dalam MT tetapi Dr Mahathir kena la berhenti (mengkritik) dahulu, baru kita boleh bincang," kata beliau.

Sementara itu di Alor Star, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Mahdzir Khalid berkata, tidak adil bagi Dr. Mahathir mendesak kerajaan menarik balik pembatalan projek jambatan bengkok sebagai syarat untuk beliau berhenti mengkritik.

Menurutnya, apa yang penting kerajaan telah membuat keputusan dan ia diambil berasaskan kepada fakta yang jelas serta maklumat mencukupi.

"Jadi, saya rasa tidak ada sebab Kabinet atau kerajaan kena menarik balik keputusan yang sudah dibuat semata-mata atas permintaan Tun, itu tidak adil untuk kerajaan.

"Justeru, jika Tun hendak terus mengkritik, itu hak dia," katanya.

Mahdzir diminta mengulas kenyataan bekas Perdana Menteri itu bahawa beliau bersedia menghentikan kritikan terhadap kerajaan jika projek jambatan tersebut diteraskan.

Semalam, Dr. Mahathir menegaskan bahawa beliau bersedia berhenti mempersoalkan keputusan kerajaan sekiranya mereka bersetuju menarik balik pembatalan projek jambatan baru menggantikan Tambak Johor.